

Korea Selatan mungkin jadi rakan dialog ASEAN

Minyak antara barang tukaran beli dua kapal perang dari Korea

SEOUL 14 Ogos - Korea Selatan besar kemungkinan akan menjadi sebuah negara rakan dialog ASEAN, kata Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad semalam.

Ministry, Malaysia menyokong permohonan Korea Selatan bagi status itu dan lain-lain anggota ASEAN telah menunjukkan persetujuan mereka mengenai hal tersebut.

Pihak Seoul telah cuba mendapatkan kedudukan itu dalam perundingan para Menteri Luar ASEAN di Singapura Jun tahun lalu. Rakan dialog bersama ASEAN akan menikmati pertalian rapat dalam isu-isu politik serta ekonomi dan kedua-dua pihak akan saling memberi keistimewaan dalam hal perdagangan dan ekonomi sendiri.

Pada mulanya ASEAN telah bersedia untuk mendapatkan penyertaan Korea Selatan dalam kegiatan-kegiatan ASEAN yang tertentu, mungkin dalam bidang ekonomi seperti program pertanian dan pembangunan.

Perdana Menteri memberitahu para wartawan di sini kelmarin sehari sebelum berlepas pulang setelah melawat Korea Selatan selama seminggu bahawa sejauh yang diketahui beliau, tidak ada bantahan terhadap penyertaan Korea Selatan sebagai rakan dialog.

Sebelum itu beliau berkata sikap Korea terhadap hubungannya dengan ASEAN sungguh menggalakannya. - Bernama.

untuk menandatangani perjanjian itu bagi tempoh dua tahun.

Perbendaharaan Malaysia pada mulanya enggan memasukkan minyak mentah dalam senarai itu memandangkan bahan itu mudah dijual tetapi apabila pasarnya lembab, mereka bersetuju ia dijadikan bahan perdagangan tukar barang.

Pengurus Besar MOIC Charlie Koh berkata perdagangan tukar barang itu adalah ujian bagi perdagangan serupa itu dengan beberapa buah negara lain.

Getah keping dan cair tidak dimasukkan dalam senarai itu tetapi minyak sawit yang ditawarkan adalah dari jenis yang telah ditapis, bersih dan tidak berbau.

Ianya bertujuan mendedahkan barangan Malaysia yang masih belum diketahui oleh para pedagang luar negeri.

Ianya juga bertujuan membuktikan ba-

hawa barangan Malaysia adalah lebih murah jika dibeli secara langsung dari membeli melalui negara ketiga.

Ini akhirnya akan membuktikan bahawa Malaysia boleh mengeluarkan barangan yang memenuhi keperluan pembeli dari luar negeri.

Encik Koh adalah salah seorang dari 46 orang anggota rombongan swasta Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad melawat Korea Selatan selama seminggu yang berakhir hari ini.

Katanya MOIC juga bercadang membuka pejabatnya di Indonesia, Philipina, Singapura dan Sri Lanka menjelang pertengahan tahun depan.

Empat lagi pejabat di Bangladesh, Fiji, Asia Barat dan Jepun akan dibuka menjelang akhir 1985, tambah beliau. - Bernama.

**ميميق منته
اكن دتوكر
دغن كفل**

سيول 14 اوكس - ميميق منته

منجادي سماروه درفد جمله باراغن بخ

اكن دتوكرن دالم فرداكنن توكران

باراغن دغن سلاتن باكي

مندافتكن دوا بواه كفل افجواغ تنترا

لاهوه بخ مريك بينا.

فردانن فلابوران لوار نكري مليسيا

(عيم، او، اي، سي، دان كمفولان

شريكه فرايندستريان سمسوغ كوريا

سدغ مفاتور فمبلين ايت بخ داغكرن

برينلاي 46 جوتا.

سبواه سناري باراغن مليسيا سدغ

دسدباكن دان ددالمن ترماسوقله ميميق

ساوية. ببراغ جنيس كايو، باراغن

ابليقتريك، سيرف انتوق ككونان باهن

مكانن دان مينومن، كوفي، لادا هيتن

كلاف كريغ، دان بولا كوف.

سبواه فاسوقن برتوكس سمسوغ

اكن براد دكوالا لمفور اخر بولن اين

انتوق منداناغني فرجنجين ايت باكي

تيمفوه دوا تاهون.

فريندهاران مليسيا فد مولان

اغكن ماسوقن ميميق منته دالم

سناري ايت ممدغكن باهن ايت موده

دجوال تنافي افبيل فاسرانن لمجب،

مريك برستوجو اي دجادبكن باهن

فرداكنن توكر بارغ.

ففوروس بسر عيم، او، اي، سي،

چارلي كوه بركات فرداكنن توكر بارغ

ايت اداله اوجين باكي فرداكنن سروف

ايت دغن ببراغ بواه نكارا لاهين. -

برنام.

Malaysia perlukan bantuan negara rakan untuk capai matlamat perindustrian

Sing Pin Jih Pao 11 Ogos

Akhbar ini yang mengulas lawatan Perdana Menteri ke Korea Selatan dan seruan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kepada negara itu supaya melabur di Malaysia ini menambah.

"Lawatan beliau adalah selaras dengan Dasar Pandang ke Timur. Korea Selatan merupakan salah sebuah negara Asia yang mempunyai kemajuan perindustrian

yang pesat seperti Jepun, Taiwan. Permintaan Malaysia untuk bekerjasama dengan Korea dari segi ekonomi dan teknologi sangatlah sesuai."

Menurut akhbar ini lagi, Korea Selatan sudahpun memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara ini dengan menyertai beberapa projek pembangunan.

"Tetapi ini tidak ber-

maksud yang hubungan dua negara itu tidak perlu dipereratkan. Sebaliknya, bantuan dan sokongan Korea masih berguna bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia"

Harian ini berkata, Malaysia adalah negara yang bergantung kepada sumber-sumber aslinya. Tetapi di bawah pimpinan yang bijaksana, negara ini sedang melangkah ke arah mengubah nasib masa depannya dengan memasuki alam perindustrian.